

CNS8751

R GB 14-10 00190 BA591

Bah

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN AWAM DIUMUMKAN DISEMBER INI

Klasifikasi

Oleh Azman Hashim

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) - - Skim-skim ad-hoc adalah antara 19 Klasifikasi Perkhidmatan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Gaji Sektor Awam bagi menggantikan kesemua 574 skim perkhidmatan awam yang sedia ada, menurut sumber-sumber perkhidmatan awam hari ini.

Penjelasan terperinci mengenai skim baru itu dijangka diumumkan awal Disember, kata sumber-sumber itu lagi.

Katanya, memandangkan masih terdapat banyak skim 'ad-hoc' dalam perkhidmatan awam serta sifatnya yang sementara maka Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terpaksa juga mewujudkan satu klasifikasi khas untuknya dan tidak digolongkan ke dalam skim-skim perkhidmatan kekal. Bagaimanapun sumber itu tidak memberikan contoh.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan kenaikan gaji untuk lebih 800,000 orang kakitangan kerajaan Sabtu lepas, juga menyatakan bahawa kesemua 574 skim perkhidmatan awam yang sedia ada akan digabungkan menjadi hanya 19 klasifikasi perkhidmatan mulai 1 Jan depan.

Sumber-sumber itu memberitahu Bernama, pada dasarnya kesemua 19 klasifikasi itu sudah dipersetujui oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Gaji Sektor Awam yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri. -- Lagi.

♥14/10/18-58MST

CNS8758

R GB 14-10 00156 BA592

13al-1

Klasifikasi 2 Kuala Lumpur

Klasifikasi itu ialah perkhidmatan perubatan dan kesihatan; penyelidikan; pendidikan; sokongan (mahir, separuh mahir dan tidak mahir); bakat dan seni; pentadbiran dan sokongan; kewangan; sains; pertanian; sosial; ekonomi; keselamatan dan ketenteraman awam; kejuruteraan; pengangkutan; perundangan dan kehakiman; pengurusan sistem maklumat; polis; pengurusan (Pegawai, Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik) dan skim-skim ad-hoc.

Sumber-sumber itu berkata, JPA sedang pada peringkat akhir menyediakan jenis-jenis perkhidmatan yang sesuai dimasukkan dalam sesuatu klasifikasi dengan mengambil kira antara lain kelayakan masuk ke sesuatu jawatan, kaedah dan syarat kenaikan pangkat.

Sebagai contoh, kata sumber itu, Pegawai Penerbitan Rancangan, Penolong Pegawai Penerbitan Rancangan, Pembantu Penerbitan Rancangan dan Pembantu Rendah Penerbitan Rancangan di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), dimasukkan dalam klasifikasi perkhidmatan bakat dan seni yang menggunakan kod +B+ pada tangga gaji mereka.

Sang turut sama dalam perkhidmatan bakat dan seni ialah penari, pemuzik, jurukamera filem dan jurufo-to. -- Lagi.

♥14/10/19-00MST

CNS8759

R GB 14-10 001.42 BA593

Bah

Klasifikasi 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara dan Arkib Negara pula di letakkan dalam klasifikasi perkhidmatan sosial dengan kod +S.+ Yang turut sama dalam perkhidmatan sosial ialah mufti, posmen dan pustakawan,

Bagaimanapun kata sumber itu, keputusan mengenai kesesuaian jenis perkhidmatan dengan sesuatu klasifikasi masih belum muktamad kerana cadangan asal terpaksa dipinda mengikut keperluan.

Perdana Menteri ketika mengumumkan struktur baru perkhidmatan awam itu bertata, kesemua 19 klasifikasi itu akan diletakkan dalam tiga kumpulan iaitu Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan.

Setiap klasifikasi perkhidmatan diperuntukkan tangga gaji baru yang dikenali sebagai Jadual Gaji Matrik dengan pergerakan gaji tahunan berdasarkan prestasi.

Perdana Menteri berkata, pembahagian baru itu akan memberi pengiktirafan sewajarnya kepada tahap pengalaman, bakat dan kemahiran selain daripada kelulusan akademik untuk dipertimbang masuk atau dinaikkan pangkat.

-- Bernama.

♥14/10/19-01MST